

Untung Bersih Pihak Berkuasa Pelabuhan Rajang Naik Kepada RM1.7 Juta Tahun Lalu
Bernama
2 Mei, 2014

SIBU, 2 Mei (Bernama) -- Pihak Berkuasa Pelabuhan Rajang (RPA) mencatat keuntungan bersih RM7.1 juta tahun lalu walaupun jumlah truput serta pengendalian kontennanya merosot.

Pengerusinya, Vincent Goh Chung Siong, berkata keuntungan bersih itu lebih tinggi daripada RM5 juta yang dicatat pada 2012.

Dalam satu kenyataan di sini Jumaat, beliau berkata, jumlah truput RPA merosot daripada 3.26 juta tan metrik pada 2012 kepada 2.126 juta tan metrik pada tahun lepas.

"Perniagaan teras kami dalam mengendali kontena juga mencatat penurunan 8,000 unit bersamaan 20 kaki (TEU).

"Kami mencatat 89,531 TEU pada 2012. Ia adalah satu cabaran kepada kami untuk mencatat lebih 90,000 TEU paa tahun semasa," katanya.

Beliau berkata, sejak dua hingga tiga tahun lalu, RPA mengalami beberapa perubahan penting di segi peranan sebagai pelabuhan di wilayah tengah Sarawak.

"Beberapa perubahan juga berlaku dalam skop perniagaan kami dan kesannya kepada perubahan berkenaan.

"Bersama Pelabuhan Tanjung Manis yang terletak berhampiran, kami berada di tengah pembangunan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak atau Score. Ia sangat mencabar untuk RPA menyesuaikan diri kepada perubahan dalam iklim perniagaan itu," katanya.

Pelabuhan itu, katanya, akan berusaha meningkatkan kemudahan dan peralatan agar pelanggannya mendapat perkhidmatan terbaik.

Pengurus Besar RPA, Helen Lim Hui Shyan, berkata pihaknya akan terus melabur dalam pembangunan sumber manusia berkualiti dalam usaha mencapai keputusan lebih baik tahun ini.

Menurutnya, keputusan yang baik pada tahun lalu, walaupun kemerosotan pengendalian kontena dan truput, adalah disebabkan keupayaan RPA untk memanfaatkan sumber hasil yang menguntungkan di samping mengamalkan pengurusan kos berhemah.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1035307>